

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DASAR & PENTADBIRAN

Tak cadang guna ketum jadi ubat tahan sakit

Balik Pulau: Kementerian Kesihatan tidak bercadang menggunakan ketum sebagai ubat tahan sakit atau rawatan ketagihan dadah, walaupun struktur dan molekul tumbuhan itu terbukti menyerupai morfin.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata ia berdasarkan masalah salah guna ketum yang berleluasa dalam kalangan masyarakat hingga menyebabkan pelbagai kesan sampingan kepada pengguna.

Katanya, kesan sampingan penyalahgunaan ketum juga menyerupai penagih morfin yang akan menjejaskan hati dan sistem imunisasi individu terbahit.

Selain itu, beliau berkata, kulit wajah mereka akan kelihatan berwarna kuning dan pucat jika meminum airnya secara berlebihan.

"Kita juga bercadang menggubal Akta Racun 1951 yang diguna untuk menyelia aktiviti berkaitan ketum dengan menitikberatkan dan menambah elemen larangan penanaman tumbuhan ini secara komersil, tahun hadapan.

"Ia kini sudah di peringkat akhir dan dijangka dibentang di Dewan Rakyat pada sidang seterusnya. Bagaimanapun, kelonggaran diberikan kepada penyelidik dengan kelulusan penanaman ketum perlu diperolehi secara terus daripada Menteri Kesihatan.

"Justeru, saya ulangi pendirian bahawa tiada cadangan menggunakan ketum sebagai ubat," katanya selepas menyerahkan sumbangan kelengkapan sekolah kepada 200 murid pada Program Back to School anjuran Tenaga Nasional Berhad di sini, semalam.

Khamis lalu, Profesor Pusat Pengajian Sains Farmasi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Sharif Mahsufi Mansor, mendedahkan ketum atau *Mitragyna Speciosa* berpotensi menjadi ubat tahan sakit dan rawatan penagihan dadah.

Beliau dilaporkan berkata, ketum berpotensi menggantikan methadone bagi mengubati masalah ketagihan dadah.

(FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH)



Dr Hilmi bersama Pengurus Besar Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Pulau Pinang, Datuk Ir Lim Yew Soon (kanan) menyerahkan sumbangan kelengkapan sekolah kepada 200 murid pada Program Back to School anjuran Tenaga Nasional Berhad di Balik Pulau, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 37
RUANGAN : DARI UTARA

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SUNGAI PETANI - Jarak yang jauh untuk mendapatkan rawatan kanser menyebabkan pesakit kanser di kawasan ini merasa terbebani.

Kos perjalanan dan masa yang panjang memberi kesan terhadap mental dan fizikal pesakit.

Pesakit kanser, Nor Hamizah Abdullah, 43, dari Bedong, Kedah berkata, dia terpaksa berulang alik ke Hospital Pulau Pinang bagi menjalani rawatan kanser sejak 2014.

Dia yang berstatus ibu tunggal berkata, bukan sahaja kos perjalanan yang kini semakin meningkat membebani pesakit, malah rawatan yang memerlukan rehat mencukupi juga memberi kesan mendalam ke atas kesihatannya.

"Sekiranya kena buat rawatan, selalunya saya bertolak awal 5 pagi untuk sampai Pulau Pinang jam tujuh pagi untuk elak sesak.

"Nak pi ke sana pun kena berteman, selalunya saya bawa kereta sendiri, anak-anak dan mak teman... itu tak termasuk kos makan minum sepanjang di sana. Purata enam kali sebulan.

"Saya memang suka sangat kalau ada pusat kanser di Sungai Petani, ringanlah sikit beban kami, kurang kos minyak kereta, tol dan jimat masa sebab lebih dekat, makan pun mahal sekarang," katanya.

Menurutnya, ada pesakit dari Arau pernah merungut mengenai perjalanan jauh yang terpaksa dilalui sebelum sampai ke Hospital Pulau Pinang yang satu-satunya menyediakan rawatan kanser kepada pesakit di Utara.

"Disebabkan perjalanan jauh, tempoh rawatan lama... Kadang-kadang mengambil masa sepanjang hari sebelum selesai rawatan, ada juga pesakit yang terpaksa upah pemandu untuk hantar pi dan balik sebab tak ada berteman.

"Ada juga yang kena tidur di rumah tumpangan sebab dah lewat nak balik, susah nak dapat bas, jadi

Luahan pesakit kanser

Jarak pusat rawatan kanser yang jauh tambah beban



Lokasi pusat kanser di Sungai Petani akan dibina di kawasan Amanjaya, jaraknya tujuh kilometer dari Hospital Sultan Abdul Halim.

kenal cari jalan lain sebab bukannya semua pesakit orang senang," katanya.

Nor Hamizah berkata, sekiranya ada pusat rawatan di Sungai Petani, sudah pasti ia berita baik yang amat ditunggu-tunggu.

Pesakit kanser, Ros Rohana Mohamad, 51, dari Taman Spice Village Sungai Petani berkata, dia sangat menyokong usaha kerajaan membina pusat berkenaan di bandar itu kerana ia adalah satu keperluan buat rakyat di Utara.

"Ramai pesakit yang terpaksa ke Pulau Pinang sedangkan ada yang mal jauh dari Perlis, Utara Kedah yang terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

"Ia juga keperluan buat keluarga

INFO Pembinaan pusat kanser di atas tanah seluas 24 hektar di Amanjaya, Sungai Petani dengan kos RM500 juta akan memberi kemudahan besar kepada pesakit kanser

atau waris yang terpaksa berulang-alik nak jaga pesakit kalau kena tanah wad, seperti saya sendiri terlanjur di wad lebih dari setahun sebelum beransur pulih dan boleh balik," katanya.

Sementara itu, Nor Hashimah Abu Hasan, 31, dari Kuala Ketil berkata, pembinaan pusat kanser tersebut mampu mengurangkan kesesakan di Hospital Pulau Pinang yang menerima pesakit dari empat negeri iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.

Beliau yang pernah kehilangan anak akibat penyakit itu kini menjadi aktivis menyokong ibu bapa kanser dengan memberi dorongan melalui program dan aktiviti kebajikan yang dilaksanakan.

"Kalau kata rancangan tu menjadi. Alhamdulillah, sebelum ni yang ada hanya di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kubang Kerian, semuanya jauh.

"Kebanyakan pesakit orang susah, kos ulang-alik mahal, pesakit tak semesunya kena duduk wad, ada yang kena rawatan susulan setiap hari, katil hospital pula terhad.

"Cuma yang kita mohon kalau ada pusat kanser tu, kelengkapan teknologi dan pakar onkologi juga perlu seiring, harus cukup dan



NOR HASHIMAH ROS ROHANA YONG KONG

menepati keperluan, barulah memudahkan pesakit tak perlu lagi pi tempat lain," katanya.

Kos RM500 juta

Pengarah Kesihatan Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, pembinaan pusat kanser di atas tanah seluas kira-kira 24 hektar di Amanjaya, Sungai Petani dengan kos RM500 juta itu akan memberi kemudahan besar kepada pesakit di Kedah, Perlis dan Perak.

Menurutnya, pusat itu dijangka siap selewat-lewatnya pada tahun 2022, terletak kira-kira tujuh kilometer dari Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani.

"Ia dikenali Pusat Kanser Wilayah Utara Sungai Petani bakal menyediakan perkhidmatan dan pakar-pakar utama seperti Onkologi dan Radioterapi, Perubatan Nuklear serta Penjagaan Palliatif.

"Perkhidmatan ini disediakan melalui Perkhidmatan Pesakit Luar termasuk Unit Kecemasan Onkologi, Klinik Pakar Pesakit Luar dan Perkhidmatan Rawatan Harian. Manakala Rawatan Pesakit Dalam termasuk Onkologi dan Radioterapi,

Perubatan Nuklear, Rawatan Palliatif, Wad Kelas Pertama Pelbagai Disiplin dan Unit Rawatan Rapi.

"Kos keseluruhan adalah RM500 juta dengan keupayaan 200 katil di tapak Amanjaya Sungai Petani dan dikategorikan hampir dengan Hospital Sultan Abdul Halim Sungai Petani," katanya.

Sementara itu, Exco Kesihatan Kedah, Datuk Dr Leong Yong Kong berkata, inisiatif itu menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan kemudahan kesihatan di negeri ini.

"Ia satu keputusan yang tepat kerana keperluan yang semakin meningkat dengan penyediaan pakar serta teknologi lengkap mampu merawat pesakit kronik itu tanpa perlu ke negeri lain untuk mendapatkan rawatan," katanya.

Pada pembentangan Bajet 2018, perdana menteri mengumumkan pembinaan pusat kanser di Sungai Petani serta projek menaik taraf perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik di Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar membolehkan Kedah muncul sebagai hab kesihatan di Utara tanah air.



Nor Hamizah bersama ibunya, Che Dun Ahmad, 71, yang sering menemaninya mendapatkan rawatan di Pulau Pinang.